

18 JUN 2003

PARLIMEN-EKONOMI

EKONOMI NEGARA TERUS BERKEMBANG DALAM PERSEKITARAN DUNIA TIDAK MENENTU

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Ekonomi negara terus berkembang walaupun persekitaran antarabangsa tidak menentu dan semakin mencabar kerana asas-asas ekonominya yang kukuh, persidangan Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Hashim Ismail berkata serangan Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya ke atas Iraq dan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) memberi kesan kepada industri pelancongan tempatan tetapi ianya tidak menggugat ekonomi negara kerana industri itu hanya menyumbang lapan peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Sementara sektor perkilangan, perlombongan, perkhidmatan dan lain-lain terus kukuh dan dapat menyumbang kepada KDNK, katanya semasa menjawab soalan asal dan tambahan Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Haji Omar (BN-Larut).

Beliau berkata manakala pertumbuhan ekonomi negara pada suku pertama tahun ini iaitu sebanyak empat peratus, yang didorong terutamanya oleh punca pertumbuhan domestik, lebih baik jikan dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini.

Contohnya Singapura (1.6 peratus), Jepun (2.7 peratus), AS (2.1 peratus), Taiwan (3.2 peratus) Korea (3.7 peratus) dan Indonesia (3.4 peratus), katanya.

Hashim berkata sebagai negara yang berasaskan kepada ekonomi perdagangan dan bergantung kepada barangan eksport, ekonomi Malaysia telah mampu berkembang tanpa perlu mendapat bantuan IMF.

"Trend ini dijangka berterusan sebagaimana dicerminkan oleh peningkatan Indeks Pengeluaran Perindustrian yang amat menggalakkan pada kadar 12.2 peratus pada bulan April setelah mencatat 7.3 peratus bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini," katanya.

Beliau juga berkata respon awal kepada pelaksanaan Pakej Strategi Baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada bulan lepas yang bertujuan memastikan pertumbuhan ekonomui berterusan, amat membanggakan sekali.

Pakej itu yang mengandungi langkah pro-pertumbuhan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi berterusan telah menyaksikan Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur meningkat dengan ketara daripada 639.96 mata sebelum pakej diumumkan, kepada 690.32 pada 13 Jun lepas.

Sementara Standard and Poor's juga telah mengesahkan "Soverign Rating" negara pada tahap BBB+ atau stabil, dan ini menunjukkan penarafan antarabangsa yakin terhadap pengurusan ekonomi dan pemimpin negara yang mampu membawa Malaysia ke landasan pertumbuhan yang lebih tinggi, kata beliau.

"Kerajaan yakin dengan terlaksananya semua langkah dalam pakej strategi baru ini, ekonomi negara akan berkembang lebih pantas berbanding pencapaian yang kukuh pada tahun lepas," katanya.

Hashim berkata dengan status pertumbuhan ekonomi negara yang terus menggalakkan adalah jelas bahawa tanggapan yang dibuat oleh sesetengah pihak yang meragui pucuk pimpinan negara dalam mengurus ekonomui negara selama ini adalah tidak tepat sama sekali.

"Malahan pendekatan pragmatik yang diambil oleh kerajaan dalam membangunkan negara dan menangani permasalahan ekonomi telah dapat pengiktirafan antarabangsa."

Katanya, malah pengarah urusan IMF Horst Kohler pada 2 Jun lepas telah

mengiktiraf ekonomi dan pengurusan kewangan Malaysia sebagai satu contoh yang perlu diikuti oleh negara lain, termasuk "banking reformnya". --
BERNAMA

HK HK AA